

Najib Harap Usaha Timbulkan Kekecohan Pada Hari Mengundi Tidak Berlaku Bernama
4 April, 2013

KUALA LUMPUR, 4 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berharap rancangan pihak tertentu untuk menimbulkan kekecohan pada pilihan raya umum ke-13, tidak diteruskan.

Beliau menegaskan rakyat harus dibenar membuat pilihan secara bebas dan terbuka tanpa sebarang gangguan yang boleh menghalang mereka daripada melaksanakan tanggungjawab sebagai pengundi.

"Kita tahu (mengenai rancangan) itu sebab mereka telah mengeluarkan panduan untuk menimbulkan kacau pada hari mengundi, tetapi kita harap ia tidak dilakukan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno dan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini Khamis.

Najib mengulas dakwaan berhubung rancangan pihak tertentu untuk melakukan huru-hara dan kekecohan pada hari mengundi pilihan raya umum ini, berdasarkan penemuan dokumen sulit yang dipercayai milik parti pembangkang.

Najib yang juga Pengerusi Umno dan Presiden Barisan Nasional (BN) berkata sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen, semua pihak di negara ini harus menghormati proses pilihan raya dan integriti proses itu.

"Penglibatan kita dalam proses itu (pilihan raya) mestilah ke arah membenarkan rakyat membuat pilihan mereka secara bebas dan terbuka.

"Bukannya menimbulkan sebarang keadaan yang boleh mengganggu mereka seperti menghalang mereka pergi tempat mengundi, menakutkan mereka atau melakukan apa-apa yang menyebabkan hak mereka dinafikan atau diselewengkan," katanya.

Strategi kotor itu, yang dipercayai bertujuan menimbulkan kemarahan masyarakat terhadap Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan menyalahkan BN berhubung pengendalian pilihan raya, turut menggariskan rancangan untuk 'menyerang' beberapa kawasan parlimen tumpuan seperti Gombak, Lembah Pantai, Permatang Pauh, Setiawangsa, Wangsa Maju dan Bagan Serai melalui media maya.

Pengerusi SPR Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof sebelum itu turut mengakui bahawa suruhanjaya itu telah mengesan rancangan jahat berkenaan berdasarkan satu nota yang diterimanya yang antara lain mengandungi panduan untuk menimbulkan protes berhubung kesahihan kertas undi.

Beliau juga mendakwa kumpulan itu turut menghasut pengundi dengan mengatakan dakwat kekal yang bakal digunakan tidak halal.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=939496>

